

**TEKS UCAPAN  
YBHG. PROFESOR DATUK Ts. DR. MASSILA KAMALRUDIN  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**MAJLIS MAKAN MALAM KONVOKESYEN KALI KE-19 DAN  
MAJLIS ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI KALI KE-14 2022  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**01 November 2023, 8.00 Malam  
COURTYARD BY MARRIOT HOTEL, MELAKA**

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis

## **SALUTASI**

-Seperti di Lampiran

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya mewakili seluruh warga UTeM ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah rahmat dan kurniaan NYA, dapat kita bersama dalam Majlis Makan Malam Konvokesyen kali ke-19 dan Majlis Anugerah Akademik Universiti Kali ke 14 Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi di atas kesudian hadir pada majlis ini. Sesungguhnya kehadiran Yang Berhormat Dato' pada malam ini akan menambahkan lagi kemeriahan dan keserian Majlis Makan Malam Konvokesyen kali ke-19 dan Majlis Anugerah Akademik Universiti Kali ke 14 Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Mekar kesidang tepian titi,  
Jadi idaman si burung kenari;  
Kehadiran YB Dato' sentiasa dinanti,  
Pengubat rindu, penambah seri.

3. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada barisan urusetia yang dipengerusikan secara bersama oleh Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Sanusi bin Azmi, Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Profesor Madya Dr. Mohd Shakir Bin Md Saat, Pengarah Pusat Kecemerlangan dan Kesarjanaan Akademik (CAES) dan juga Datin Wira Ts. Nurazlina binti Md Sanusi, Pengarah Pejabat Komunikasi Korporat dan Perhubungan Canselori yang bertungkus lumus bagi memastikan majlis pada hari ini dapat dilaksanakan. Terima kasih juga kepada perwakilan dari industri, agensi dan penyumbang bagi Majlis Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka kali ke-19 yang hadir bersama-sama pada hari ini.

## **Yang Berhormat Dato' serta Hadirin dan Hadirat sekalian,**

4. Majlis Makan Malam ini dianjurkan sebagai satu platform untuk menghargai penerima anugerah bagi Majlis Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka kali ke-19. Antara anugerah tersebut adalah Anugerah Di Raja, Anugerah Canselor dan Anugerah Pro Canselor. Graduan yang akan menerima anugerah ini merupakan di antara yang terbaik dan sewajarnya diraikan.
5. Di samping itu, pengurusan tertinggi UTeM amat mengambil berat jalinan hubungan di antara Universiti dan juga pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam perkembangan

Universiti. Ianya melibatkan hubungan UTeM bersama kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, industri dan juga agensi yang sentiasa bekerjasama dalam memajukan pembangunan akademik, penyelidikan mahupun pembangunan kompetensi pelajar serta meletakan UTeM dimata dunia.

6. Saya amat berharap, majlis yang dianjurkan pada malam ini, akan dapat mengeratkan lagi hubungan baik dan harmoni di antara semua pihak. Seterusnya jalinan kerjasama yang diwujudkan ini mampu untuk merencanakan program-program yang berupaya untuk memberi kebaikan kepada semua pihak

dan diharapkan ianya dapat dijalankan dengan lebih baik dan mencapai matlamat yang dirancang.

7. Untuk makluman semua, Majlis Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka kali ke-19 yang akan berlangsung pada 4 hingga 6 November 2023 akan menyaksikan kejayaan 3378 orang graduan menamatkan pengajian dalam pelbagai peringkat dan bidang pengajian mereka menerusi 6 sesi penganugerahan yang merangkumi 100 orang graduan Ijazah Doktor Falsafah, 4 orang graduan Doktor Kejuruteraan, 151 orang graduan Ijazah Sarjana, 2618 orang graduan Ijazah Sarjana Muda dan 505 orang graduan Diploma.

8. Majlis Konvokesyen kali ini juga turut diserikan lagi dengan penganugerahan gelaran Profesor Emeritus kepada YBhg Dato' Dr. Abu bin Abdullah yang merupakan Mantan Profesor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

**Yang Berhormat Dato', Hadirin dan Hadirat sekalian,**

9. Majlis pada malam ini turut dianjurkan bersekali dengan Majlis Anugerah Akademik Universiti (AAU) bagi tahun 2022 di mana ia merupakan satu pengiktirafan yang istimewa untuk ahli akademik UTeM dan perlu diraikan. Pengiktirafan ini merangkumi pelbagai aspek kecemerlangan, termasuk pengajaran, penyelidikan, penulisan, dan inovasi. Tujuannya



adalah untuk menghargai pencapaian yang telah dicapai oleh staf akademik, sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa, serta untuk memotivasikan mereka untuk terus meningkatkan sumbangan mereka dalam membitarakan universiti.

10. Majlis AAU telah menjadi satu tradisi sejak tahun 2009 dan telah menjadi dorongan penting kepada staf akademik untuk terus meningkatkan pencapaian dan sumbangan mereka dalam dunia akademik.
11. Untuk tahun ini sebanyak 13 kategori anugerah telah disediakan, dimana pemilihan pemenang adalah berdasarkan

kepada penilaian yang telah dibuat oleh panel jawatankuasa penilai AAU yang dilantik.

12. Penerima utama bagi setiap kategori akan menerima sebuah tropi, sijil penghargaan dan wang bernilai RM4,000. Manakala bagi penerima saguhati akan menerima sijil penghargaan dan wang bernilai RM500.
13. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima Anugerah Akademik Universiti bagi tahun 2022. Sekalung penghargaan dan terima kasih juga kepada semua jawatankuasa yang telah memberikan komitmen yang tinggi

di dalam proses pemilihan penerima anugerah bagi tahun 2022.

**Hadirin dan Hadirat sekalian,**

14. Saya dengan rasa rendah diri berharap agar kita bersama-sama dapat mendoakan Majlis Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka kali ke-19 yang akan bermula pada hari Sabtu ini dapat berjalan dengan lancar dan jayanya.
15. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan jutaan penghargaan dan terima kasih di atas kelapangan masa Yang Berhormat Dato' Haji

Mohammad Yusof bin Apdal, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Tuan-tuan dan Puan-puan yang turut hadir bersama di majlis pada hari ini.

16. Sekalung penghargaan dan terima kasih juga kepada Jawatankuasa program yang komited dalam memastikan majlis ini dapat dilaksanakan mengikut perancangan.

Saya sudah ucapkan dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA